

23/07/2001

Anugerah Sri Angkasa 2001 tampil kelainan, lebih mantap

SEBANYAK 63 kategori dipertandingkan dalam Anugerah Sri Angkasa 2001 yang membabitkan saingan antara muka popular, dengan tenaga khidmat sokongan dalam dunia penerbitan rancangan televisyen dan radio milik kerajaan.

Acara penuh gilang-gemilang itu bakal diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada 29 Julai ini, bermula jam 2 petang yang turut menyaksikan lebih 70 artis mengambil bahagian sebagai penyampai hadiah.

Malah acara anugerah RTM itu juga akan diadakan siaran secara langsung secara separa automasi selama empat jam menerusi dua segmen yang akan turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyampaikan dua anugerah khas untuk Tokoh Penyiaran.

Ia juga menyaksikan pelbagai program RTM termasuk drama, rancangan hiburan, dokumentari, talkshow dan gameshow akan bertanding bagi memilih yang terbaik, selain turut membabitkan pelakon, pengarah, juruhebah dan pengulas radio.

Anugerah yang diadakan buat kali ke-21 anjuran badan penyiaran kerajaan itu juga adalah yang pertama pada alaf baru menampilkan kelainan dan pengisian lebih mantap dan segar.

Pada sidang media di Angkasapuri, Khamis lalu, Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus menyifatkan Anugerah Sri Angkasa kali ini dianggap satu apresiasi kepada karyawan seni dan RTM yang terbabit dalam penerbitan.

"Selama lebih tiga bulan jentera jawatankuasa bertungkus-lumus merancang, memilih, menilai dan membuat persediaan teliti dari segenap aspek untuk menjayakan majlis gilang-gemilang dan berprestij ini.

Anugerah Sri Angkasa 2001 sekali lagi akan menjadi peristiwa bersejarah bagi RTM kerana ia menggabungkan kategori radio dan TV secara serentak. Ia juga akan menjadi anugerah karyawan TV tempatan terpanjang pernah diadakan.

"Ia dikendalikan Unit Hiburan TV dan disiarkan secara langsung dari PWTC pada 29 Julai ini. Siaran dibahagikan kepada dua sesi iaitu jam 2 petang dan jam 4.15 petang.

"Ini bagi membolehkan penonton dan petugas berehat sejenak sebelum meneruskan debaran dalam anugerah ini. Sesi pertama menyaksikan 34 kategori khidmat sokongan manakala sesi kedua 28 kategori yang menduduki tangga teratas populariti dalam penerbitan rancangan TV.

"Pengacara untuk majlis anugerah ini ialah Bob Lokman, Aznil Nawawi dan Maya Karin. Lebih 70 artis mengambil bahagian untuk menyampaikan hadiah selain artis terkenal akan membuat persembahan.

"Acara ini juga dibuka kepada orang ramai secara percuma. Kita sediakan 3,000 tiket untuk penonton hadir ke PWTC. Anugerah ini terus diadakan sebagai salah satu usaha untuk mengembalikan kegemilangan RTM," kata Khalid.

Turut hadir ialah Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Alimusa Sulaiman dan Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran (Program), Abdul Malik Hamid serta sebahagian artis yang mengambil bahagian dalam majlis anugerah itu.

Sempena sidang media itu juga, Khalid melepaskan sebanyak 55 belon berwarna-warni tanda simbolik acara itu. Sebanyak 13 belon yang ditemui orang ramai akan menerima hadiah baucer misteri daripada RTM.

Anugerah Sri Angkasa 2001 menyaksikan saingan penerbitan dan individu yang hasil karya mereka pernah disiarkan sejak 1 Januari 1999 hingga 31

Disember 2000.

Antara artis yang akan mengambil bahagian ialah Amy Mastura, M Nasir, Siti Nurhaliza, Kopratasa, Ahmad Tarmimi Siregar, Hans Isaac, Azean Irdawaty, Erra Fazira, XPDC, Dayang Nurfaizah dan Jalaluddin Hassan.

(END)